



MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon **ANAK NEGERI SELANGOR** yang berkelayakan untuk mengisi jawatan perkhidmatan **Kontrak (*Contract of Service*)** seperti berikut :

BIL	JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN
A.	GRED LANTIKAN		
1.	Pegawai Belia dan Sukan	S9	1

2. (i) Tarikh mula iklan ialah pada **1 Oktober 2025**.
(ii) Tarikh tutup permohonan ialah pada **14 Oktober 2025**.

4. **TARAF JAWATAN :**

- **CONTRACT OF SERVICE**

5. **UMUR:**

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

6. **WARGANEGARA :**

- Warganegara Malaysia dan
- Kelahiran Negeri Selangor, atau ibu atau bapa dilahirkan di Negeri Selangor, atau telah bermastautin di Negeri Selangor selama lebih 15 tahun serta mendapat pengesahan daripada Penghulu / JKKK.
(Surat pengesahan pemastautin hendaklah dilampirkan bersama Borang permohonan).

7. Jadual Gaji

8. Syarat Lantikan

9. Fungsi / Bidang tugas

Sila rujuk portal rasmi MSN Selangor di alamat berikut:
<http://www.msn.selangor.gov.my>

10. **CARA MEMOHON**

- (a). Semua permohonan hendaklah dibuat dengan memuat turun Borang Permohonan Jawatan di www.msnselangor.gov.my.
- (b). Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor beserta dengan dokumen-dokumen sokongan seperti di perenggan (c) di bawah:
- (c). Semua permohonan hendaklah disertakan sekeping gambar berukuran paspot, salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa serta sijil lahir, sijil-sijil akademik dan persekolahan serta lain-lain dokumen yang berkaitan.
- (d). Sila tulis nama jawatan di sebelah atas kiri sampul surat.
- (e). Semua salinan sijil hendaklah **diakui sah**.
- (f). **Permohonan yang berikut akan ditolak/tidak akan diproses jika:**
 - tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan
 - tidak lengkap atau tidak terang
 - tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan
 - tidak besertakan gambar dan
 - tidak ditandatangani
- (g). Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.
- (h). Permohonan daripada kakitangan awam yang sedang berkhidmat hendaklah mendapat sokongan dan pengesahan Ketua Jabatan.
- (i). Permohonan hendaklah dialamatkan kepada :

**Pengarah Eksekutif
Majlis Sukan Negeri Selangor
Aras 3, Kompleks Generasi Muda Dan Sukan Negeri Selangor,
Lot 4, Jalan Platinum 7/52, Seksyen 7, Persiaran Kayangan,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.**

Sebelum atau pada **14 Oktober 2025 (Selasa) jam 4.00 petang**.
- (j). Hanya calon yang berkecuali dan melepasi saringan yang dijalankan sahaja yang akan dipanggil temuduga.

(k). Pemohonan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh berikut:

- Selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup; atau
- Selepas 6 bulan dari tarikh temuduga
(sekiranya berjaya dipanggil temuduga)

(l). Sebarang pertanyaan bolehlah dibuat dengan menghubungi pihak Urus setia melalui telefon atau melalui email berikut:

- urusetia : 03-5870 0400
- email : admin@msnselangor.gov.my

1. NAMA JAWATAN : PEGAWAI BELIA DAN SUKAN.

Gred dan Jadual Gaji S9 : **GAJI MINIMUM** **GAJI MAKSIMUM**
RM2,250.00 RM11,110.00

Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	-	RM 300.00
Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	-	RM 300.00
Bantuan Sara Hidup (COLA)	-	RM 300.00
Kenaikan Gaji Tahunan	-	RM 225.00

Skim Perkhidmatan : Pengawai Belia dan Sukan

Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan & Profesional.

Taraf Jawatan : Kontrak (*Contract of Service*).

Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial (S)

Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a).
 - (i) Pemohon lahir di Negeri Selangor atau
 - (ii) Ibu atau bapa lahir di Negeri Selangor atau
 - (iii) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun dan
 - (iv) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
- b). Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- c).
 - (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*[Gaji Permulaan ialah pada Gred S9 : RM2,250.00] **atau***

- (ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan ialah pada Gred S9 : RM2,470.00]

- d). Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- e). **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

- f). **DESKRIPSI TUGAS:**

Merangka dasar, merancang program serta aktiviti berkaitan belia dan sukan di peringkat Daerah/Negeri. Meliputi untuk memberikan nasihat kepakaran serta penyeliaan berterusan bagi mengembangkan program-program belia dan sukan.